

RUJ. KAMI (OUR REF) :
RUJ. TUAN (YOUR REF) :

UMP.02.01/10.12/2/1 JILID 5 (3)

4 Januari 2013

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 1 TAHUN 2013 :
DASAR CUTI PERISTIWA HUBUNG-KAITAN CUTI UMUM TAHUN 2013**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2013 mengenai dasar cuti peristiwa hubung-kaitan cuti umum tahun 2013 untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
Timbalan Pendaftar
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : YH Dato' Naib Canselor

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 1 TAHUN 2013

DASAR CUTI PERISTIWA HUBUNG-KAITAN CUTI UMUM TAHUN 2013

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai dasar mewajibkan Cuti Peristiwa yang mempunyai hubung-kaitan cuti umum sempena perayaan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji bagi tahun 2013 kepada semua staf UMP.

LATARBELAKANG

2. Mulai tahun 2011 dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah bersetuju melaksanakan cuti rehat wajib (mandatori) kepada semua staf UMP pada 2 September 2011 (jumaat) sempena cuti umum Hari Raya Puasa [1432 Hijrah]. Dasar cuti mandatori ini telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2011 yang telah dikeluarkan pada 26 Ogos 2011. Pelaksanaan cuti rehat wajib (mandatori) ini bertujuan mengelakkan pembaziran tenaga elektrik terutamanya penggunaan pendingin hawa, lampu dan sebagainya memandangkan staf yang tidak memohon cuti dan dijangka bekerja pada tarikh berkenaan adalah dalam jumlah yang tersangat kecil.
3. Bagi tahun 2013, Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-71 Bil. 12/2012 pada 12 Disember 2012 telah bersetuju melaksanakan cuti rehat wajib (peristiwa) menggantikan cuti rehat wajib (mandatori) kepada semua staf UMP.
4. Sehubungan itu, semua staf UMP diwajibkan untuk mengambil **cuti rehat (peristiwa) pada 7 Ogos 2013 (Rabu)** iaitu sehari sebelum cuti umum Hari Raya Puasa [1434 Hijrah] yang dijangka sambutan pada 8 Ogos 2013 (khamis) dan 9 Ogos 2013 (jumaat).

5. Semua staf UMP juga diwajibkan untuk mengambil **cuti rehat (peristiwa) pada 14 Oktober (Isnin)** iaitu sehari sebelum cuti umum Hari Raya Haji [1434 Hijrah] yang dijangka sambutan pada 15 Oktober 2013 (selasa).
6. Cuti rehat wajib (peristiwa) **pada 7 Ogos 2013 (Rabu) dan 14 Oktober (Isnin)** ini dikuatkuasakan kerana majoriti staf beragama Islam meraikan perayaan ini, manakala staf yang dijangka bertugas sangat sedikit. Bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik dan tenaga kerja maka cuti rehat wajib (peristiwa) dilaksanakan sebagai suatu inovasi dalam pentadbiran.

PELAKSANAAN

7. Selaras dengan keputusan pihak Pengurusan Universiti ini semua staf diwajibkan mengambil cuti rehat pada **7 Ogos 2013 (Rabu) dan 14 Oktober (Isnin)**. Cuti-cuti tersebut akan di ambilkira daripada kelayakan cuti rehat tahunan yang diperolehi pada tahun semasa dan proses permohonan cuti rehat dibuat melalui *e-community*.
8. Walau bagaimana pun, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan **keselamatan** atau pun **diarahkan bertugas** pada tarikh berkenaan oleh Ketua Jabatan **atas faktor kepentingan perkhidmatan universiti** adalah diberi **pengecualian** .
9. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan universiti ini tidak terjejas berikutan semua staf diarahkan mengambil cuti rehat pada tarikh-tarikh tersebut, seluruh talian telefon Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan dipusatkan ke Bahagian Keselamatan UMP (09-5492515) untuk menjawab panggilan dan pertanyaan daripada pihak luar.

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

10. Dalam melaksanakan dasar cuti rehat wajib (peristiwa) ini dan penguatkuasaannya dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang adalah dikehendaki semua Ketua Jabatan memastikan mengambil tindakan seperti berikut:

10.1 semua staf dikehendaki mengambil cuti rehat pada tarikh-tarikh tersebut diatas kecuali staf yang bertugas atas faktor kepentingan perkhidmatan atau berkaitan keselamatan universiti sahaja diberi pengecualian dari dasar cuti rehat wajib (peristiwa) ini; dan

10.2 keselamatan pejabat seperti pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup sebelum bercuti panjang.

TARIKH KUATKUASA

11. Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekeliling ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : 02 Januari 2013

Edaran Kepada:

Semua Penolong Naib Canselor/ Dekan / Pengarah

Bendahari

Ketua Pustakawan

Ketua – Ketua Jabatan.

Salinan kepada:

Naib Canselor

Timbalan - Timbalan Naib Canselor